

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 05.12.2024 MASA: 08.00AM

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERUSAHA TUAN MOHD IBRAHIM BIN MD NOR
SETIAUSAHA BANDARAYA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**PROGRAM PERTANDINGAN SENI KOLAM SEKOLAH
JENIS KEBANGSAAN TAMIL (SJKT) ANJURAN
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI BAGI TAHUN
2024**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**5 DISEMBER 2024 (KHAMIS)
03.00 PETANG**

**DEWAN DATO HAJI AHMAD BADAWI BUTTERWORTH
SEBERANG PERAI UTARA**

Disediakan oleh Jabatan Korporat

Ucapan Yang Berusaha Setiausaha Bandaraya MBSP 2024

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati Whip Ahli Majlis
En Bernard Cheen Goon Hoi
En Zainuddin Bin Mohamed
Datuk Mohd Noor Bin Ahmad
En Muhamad Suzuki Bin Ahmad
Whip Ahli Majlis
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Encik Ahmad Zabri Bin Mohamed Sarajudin
Pengarah Perkhidmatan Perbandaran Merangkap Pengerusi
Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Seni Kolam SJKT Anjuran Majlis
Bandaraya Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Guru-Guru dan Para Pelajar Sekolah Yang Dikasihi

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

.....

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Petang dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya kita dapat bersama-sama pada petang ini dalam **Program Pertandingan Seni Kolam Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Anjuran Majlis Bandaraya Seberang Perai Bagi Tahun 2024.**
2. Sekalung penghargaan dan terima kasih kepada Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis; para panel penilai daripada Malaysia Nature Society iaitu Encik Tan Choon Eng, Encik Kandakumar dan Puan Beryl Nolan; pihak sekolah; para guru; pelajar dan para hadirin sekalian yang hadir bagi menjayakan program pada hari ini.
3. Program Pertandingan Seni Kolam SJKT anjuran Majlis Bandaraya Seberang Perai bagi tahun 2024 merupakan sebuah inisiatif berimpak tinggi yang bertujuan memperkasakan usaha melestarikan alam sekitar. Program ini turut mendidik masyarakat tentang kepentingan amalan kitar semula serta memupuk kesedaran bahawa bahan kitar semula bukan sahaja memiliki nilai estetik, tetapi juga berpotensi untuk dimanfaatkan sebagai sumber yang berdaya ekonomi dan mampu menjana pendapatan.

4. Pertandingan sebegini menggalakkan penglibatan para pelajar dan guru sekolah dalam menghasilkan seni ranggoli kolam dengan menggunakan bahan-bahan kitar semula serta bahan-bahan semulajadi yang mesra alam. Aktiviti pertandingan melukis seni kolam ini dilaksanakan secara serentak oleh SJKT yang mengambil bahagian, mencerminkan semangat kesepaduan dan komitmen terhadap pemeliharaan seni warisan serta kelestarian alam sekitar.
5. Pertandingan ini telah berlangsung dari pukul 10.00 pagi tadi dengan tempoh masa yang diperuntukkan selama tiga (3) jam. Setelah tamat tempoh tersebut, setiap hasil seni ranggoli kolam yang dihasilkan telah dinilai berdasarkan kriteria yang ditetapkan. Penyampaian hadiah bagi menghargai kreativiti dan usaha para peserta akan diadakan sebentar lagi.
6. Beberapa terma dan syarat telah ditetapkan bagi memastikan pertandingan ini mematuhi prinsip kelestarian alam sekitar sambil memupuk kreativiti peserta dalam menghasilkan seni yang unik dan inovatif. Konsep pertandingan adalah **Ranggoli Kolam Kitar Semula Demi Memelihara Alam Sekitar** dan peserta dikehendaki menggunakan bahan-bahan yang dibenarkan, termasuk bahan kitar semula yang tidak merbahaya seperti kertas, kotak dan tetrapak, serta bahan semulajadi seperti pasir, bunga-bunga kering, daun-daun kering, buah-buahan kering, dan rempah ratus.

7. Walau bagaimanapun, penggunaan bahan yang berbahaya atau tidak mesra alam adalah dilarang sama sekali. Ini termasuk serpihan kaca, besi dan aluminium. Plastik sekali guna seperti pinggan, cawan, sudu, garfu dan straw pakai buang serta bahan yang tidak boleh dikitar semula seperti kertas berlilin (*wax paper*), cawan dan pinggan mangkuk pakai buang yang diperbuat daripada kertas berlilin. Selain itu, tin aerosol, botol kaca, tin aluminium, besi, lampu kalimantang, mentol lampu dalam apa jua bentuk, sama ada bentuk asal, serpihan atau serbuk juga tidak dibenarkan.
8. Proses penilaian dan pemarkahan dilaksanakan berdasarkan beberapa kriteria iaitu, jumlah bahan kitar semula yang digunakan; kejelasan dan penerapan tema kitar semula; penonjolan tema alam sekitar; tahap kreativiti dan daya tarikan serta kekemasan keseluruhan hasil seni.
9. Sebanyak 21 buah SJKT dari seluruh kawasan Seberang Perai telah dijemput untuk menyertai pertandingan ini. Daripada jumlah tersebut, 10 buah sekolah telah berjaya menduduki 10 tempat teratas berdasarkan penilaian menyeluruh yang dijalankan. Pemenang pertandingan akan menerima hadiah berupa wang tunai yang melambangkan pengiktirafan terhadap kejayaan dan pencapaian mereka dalam menyemarakkan semangat kelestarian serta memupuk nilai cinta kepada seni dan alam sekitar.

10. Saya mengucapkan setinggi-tinggi Tahniah dan Syabas kepada semua pemenang yang akan diumumkan sebentar lagi. Kejayaan anda adalah manifestasi usaha gigih, kreativiti yang luar biasa, serta dedikasi yang tidak berbelah bahagi dalam menjayakan pertandingan ini. Semoga pencapaian ini menjadi inspirasi untuk terus menyumbang kepada pemeliharaan alam sekitar dan memperkasakan seni warisan budaya kita. Bagi mereka yang tidak berjaya, jangan berputus asa. Jadikan pengalaman ini sebagai pemangkin untuk terus berusaha dan memperbaiki pencapaian di masa hadapan. Ingatlah, setiap langkah adalah satu kejayaan dalam perjalanan menuju kecemerlangan.

11. Saya berharap melalui Program Pertandingan Seni Kolam SJKT anjuran Majlis Bandaraya Seberang Perai bagi tahun 2024 ini, dapat menarik minat pihak sekolah amnya dan khususnya Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di seluruh kawasan Seberang Perai. Penerapan konsep kitar semula dalam seni ranggoli kolam merupakan satu langkah penting dalam memberi pendedahan kepada para pelajar dan guru-guru, agar mereka dapat menjadi pemangkin kepada budaya kitar semula yang lebih meluas di sekolah masing-masing. Inisiatif ini juga mampu memberi impak positif dalam menyokong pelaksanaan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca yang akan diperketatkan mulai Julai 2024. Semua pihak diharap dapat mengamalkan pendekatan holistik dalam pengurusan alam sekitar, dengan matlamat

mewujudkan sebuah bandaraya rendah karbon yang berdaya huni, sekaligus menzahirkan “**Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau dan Kompetitif**”.

12. Akhir kata daripada saya, marilah sama-sama kita menjaga alam sekitar ini dan menjadikan Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.